



مَحْلِسُ شَهْرٍ مُّبُوْنٍ مُّوْلَى الرَّسُولِ وَحَسَّانٌ

12 ربيع الأول 1437هـ بـ سـامـاعـن 24 دـيـسـمـبـر 2015 مـ

TAMAN EKspo PERTANIAN MALAYSIA SERDANG (MAEPS),  
SELANGOR

*Perpaduan Nadi Transformasi Negara*



مَحْلِسُ شَهْرٍ مُّبُوْنٍ مُّوْلَى الرَّسُولِ وَحَسَّانٌ

12 ربيع الأول 1437هـ بـ سماungan 24 دیسمبر 2015 م

TAMAN EKspo PERTANIAN MALAYSIA SERDANG (MAEPS),  
SELANGOR

*Perpaduan Nadi Transformasi Negara*



**SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XIV  
ALMU'TASIMU BILLAHI MUHIBBUDDIN TUANKU ALHAJ ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH  
IBNI ALMARHUM SULTAN BADLISHAH**

D.K., D.K.H., D.K.M., D.M.N., D.U.K., D.M.K., D.K.(Kelantan),, D.K.(Pahang),, D.K.(Selangor),,  
D.K.(Perlis),, D.K.(Negeri Sembilan),, D.K.(Johor),, D.K.(Terengganu),, D.K.(Perak),, D.K.(Brunei),, D.P.(Sarawak),,  
D.U.N.M., S.M.D.K., S.H.M.S., S.G.M.K., S.P.M.K., S.S.D.K., Bintang Maha Putra Adipradana (Indonesia),  
Honourable Knight Grand Cross Order of the Bath of U.K., Asso. Knight Order of St. John, Hon. Ph.D (UUM),,  
Collar of the Supereme Order of thr Chrysanthemum and Grand Cordon of the Supreme Order of the Chrysanthemum (Japan),,  
Grand Cordon of The Order of the Rising Sun of Japan, Knight of the Most Illustrious Order of  
The Royal House of Chakri (Thailand),, Order of Rammata Thailand (Thailand)



**SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG  
TUANKU HAJAH HAMINAH**

D.M.N., D.K., D.K.H.,  
Grand Cordon of The Order of the Precious Crown (Japan),,  
Knight Grand Cross (First Class) of the Most Illustrious Order of Chula Chom Kao (Thailand)



---

*Perutusan*  
**YAB Perdana Menteri**

---

**SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW  
PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1437H/2015M**

---

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

8

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Ilahi kerana dengan kehendak dan izin-Nya kita dapat mengadakan Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan Tahun 1437H/2015M. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat Baginda seluruhnya.

Sesungguhnya sambutan Maulidur Rasul SAW adalah sangat signifikan dengan umat Islam khususnya di Malaysia. Tarikh yang bersejarah ini menjadi lambang lahirnya sinar baharu dalam kehidupan ummah. Suatu sinar yang membawa kemuliaan dan kehebatan sebagai ummah yang bebas daripada belenggu kejahilan dan ketaksuhan kepada dunia.

Sambutan Maulidur Rasul SAW juga adalah terjemahan kecintaan ummah kepada Nabi Muhammad SAW. Kehadiran Nabi Muhammad SAW telah membawa bukan sahaja suatu sistem beragama yang suci dan luhur bahkan turut membawa sistem yang menyatukan ummah seluruhnya. Kesatuan yang dibina bukan sahaja menafikan perbezaan pangkat dan kedudukan, tetapi turut menjalinkan rasa kasih sayang yang berteraskan akidah yang satu. Perpaduan yang dibina juga telah menghasilkan suatu ramuan kejayaan dalam membangun suatu ketamadunan ummah yang mapan bukan sahaja dari sudut rohani bahkan dari sudut pembangunan fizikal.

Bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (Agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliyah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keteranganNya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayahNya”. (Surah A-li ‘Imraan 103)*

Kejayaan Nabi Muhammad SAW membangunkan kota Madinah sebagai sebuah Negera yang berjaya wajar menjadi contoh kepada kita dan memberi gambaran bahawa perpaduan adalah penting dalam membangun dan menjana transformasi ummah.

Sehubungan dengan itu, pemilihan tema sambutan pada kali ini iaitu **“Perpaduan Nadi Transformasi Negara”** adalah sangat signifikan dengan hasrat Kerajaan untuk membangun negara dengan berteraskan perpaduan antara kaum yang jitu dan kukuh. Hasrat ini tidak akan tercapai tanpa sokongan dan dokongan semua pihak tanpa mengira kaum ataupun fahaman agama. Kejayaan kita dalam membina negara yang hebat amat memerlukan pengorbanan, saling memahami dan bertolak ansur antara satu sama lain. Oleh itu, semangat kerjasama dan cintakan perpaduan adalah amat penting bagi melakukan transformasi negara ke arah *baldatun tayyibatun wa rabbun ghafur*.

Akhir bicara, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1437H/2015M. Semoga segala usaha murni ini akan mendapat keredaan dan keberkatan daripada Allah SWT.

Sekian, wassalam.



DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK



---

*Kata Alu-Aluan*  
**YB Menteri Di Jabatan Perdana Menteri**

---

**SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW  
PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1437H/2015M**

10

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ  
وَعَلَىٰ ءَالِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan kehadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia Nya sekali lagi dapat kita menganjurkan Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan bagi tahun 1437H/2015 M.

Kecintaan terhadap Baginda Rasulullah SAW tidak setakat melalui ungkapan kata-kata atau seruan nama sahaja, tetapi kecintaan itu bermaksud menjadikan Baginda Rasulullah SAW sebagai pedoman dan metod kehidupan seperti mana firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Katakanlah (wahai Muhammad): “Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”*  
(Surah A-li ‘Imraan 31)

Oleh itu, usaha kerajaan menganjurkan Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW setiap tahun adalah bagi menghayati risalah rahmat yang dibawa Rasulullah SAW sebagai panduan hidup. Sesungguhnya sunnah Baginda Rasulullah SAW wajib dihayati dan diamalkan sepanjang hayat dan bukan terbatas dengan sambutan tahunan semata-mata. Contoh teladan Baginda Rasulullah SAW dalam menyatukan golongan Muhajirin dan An-

sar serta mentadbir Madinah dengan cemerlang harus sekali diterapkan dalam diri kita ke arah mewujudkan persefahaman dan kesatuan umat bertepatan dengan tema sambutan iaitu "Perpaduan Nadi Transformasi Negara". Perpaduan merupakan asas kekuatan dan kemajuan Islam lebih-lebih lagi di saat umat Islam dunia yang berpecah dan bermusuhan sesama sendiri ketika ini.

Saya amat optimis bahawa penganjuran Sambutan Maulidur Rasul SAW ini akan memberi kesan yang sangat baik dalam diri kita dengan penghayatan dan amalan positif dalam setiap aspek kehidupan seiring dengan sunnah Baginda Rasulullah SAW.

Saya juga merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1437H/2015M. Semoga diberi ganjaran sewajarnya oleh Allah SWT.

Terima kasih.



**MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B)**



—————  
*Kata Alu-Aluan*  
Ketua Pengarah  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia  
—————

**SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW  
PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1437H/2015M**

**السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ**

12

Sesungguhnya kelahiran Baginda Nabi Muhammad SAW adalah merupakan titik tanda kelahiran agama Islam yang kemudiannya telah membawa rahmat kepada sekalian alam. Mesej kerahmatan untuk sekalian alam menandakan bahawa Islam datang dengan mesej kesejagatian, iaitu sebagai agama yang tidak semata-mata untuk satu kaum, bangsa atau sesebuah kawasan. Melalui mesej kesejagatian ini sahaja jika diperhalusi sudah memadai untuk kita meyakini akan kebenaran agama Islam ini.

Rasulullah SAW sebagai seorang kamil yang tinggi keperibadian dan tiada tolok bandingannya, maka baginda perlu dijadikan ikon perpaduan ummah sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

*“ Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik bagimu iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam susah dan senang). ”* (Surah Al-Ahzaab : 21)

Jelaslah, sesiapa sahaja yang menginginkan kehidupan di dunia hingga akhirat berjalan sempurna sebagaimana yang dikehendaki Allah SWT, maka tiada jalan lain kecuali kembali mengamalkan ajaran al-Quran dan Hadis dalam kehidupannya kerana al-Quran diturunkan sebagai petunjuk bagi orang yang bertakwa.

Semoga dengan Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1437H/2015M ini, akan terus memberi inspirasi kepada umat Islam untuk terus mencontohi keperibadian Baginda Rasulullah SAW dalam segenap aspek kehidupan.



**DATO' HAJI OTHMAN BIN MUSTAPHA**

## **PERPADUAN NADI TRANSFORMASI NEGARA**

**SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW  
PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1437H/2015M**

Kejayaan Rasulullah SAW mengukuhkan dua sisi perpaduan iaitu dimensi sesama umat Islam dan pelbagai kabilah, merupakan model perpaduan terbaik dalam kehidupan beragama, bermasyarakat dan bernegara. Bahkan menerusi peristiwa penghijrahan Rasulullah SAW dari Mekah ke Madinah telah membawa kepada satu transisi peradaban yang memacu transformasi kegemilangan tamadun manusia. Terasnya adalah kejayaan mempromosi dan melaksana prinsip penerimaan, kenegaraan dan keadilan sosial sehingga berupaya menyusun serta mengatur landskap kehidupan masyarakat yang pelbagai dan mewujudkan konsep *Unity in Diversity* – perpaduan dalam kepelbagaian.

**14**

### **Prinsip Perpaduan - Penerimaan**

Fitrah alam dicipta dalam pelbagai bentuk dan ragam. Namun dalam menjamin kelestarian dan keharmonian hidup, Islam yang tegas dengan prinsipnya turut meraikan kepelbagaian tersebut kerana ia adalah anugerah dari Maha Pencipta. Firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat yang bermaksud:

*“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan suku puak, supaya kamu berta’aruf dan berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain)…”*

‘Bersatu teguh, bercerai roboh’ - begitulah pepatah yang sinonim dengan perpaduan. Menerusi firman Allah SWT di atas jelas bahawa Islam amat menekankan persefahaman dan perpaduan antara kaum dan agama demi kepentingan bersama. Konsep ta’aruf dalam kemajmukan iaitu sentiasa mengikis prasangka dan salah faham serta saling menerima mampu mencerna masyarakat bernegara yang bersatu padu. Di samping itu, rakyat mestilah berusaha mencari persamaan dan mengelincikan perbezaan. Sekiranya sensitiviti itu berjaya diurus dengan pertimbangan toleransi, persefahaman dan penerimaan sepenuhnya, maka ia mampu memperkuatkkan perpaduan sedia ada sehingga mampu digembangkan menjadi kekuatan dan nadi kepada transformasi sebuah Negara.

### **Prinsip Perpaduan - Kenegaraan**

Piagam Madinah merupakan dokumen pertama yang menjadi asas kepada urus tadbir sebuah negara. Kejayaan Rasulullah SAW ini telah menghasilkan suasana kehidupan rakyat yang menitikberatkan hal persaudaraan dan bersatu padu menjaga negara. Dalam konteks sebuah negara berdaulat yang memiliki komuniti majmuk dan berlatarbelakangkan rakyat pelbagai, Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan merupakan punca kuasa dan rujukan terpenting dalam usaha menjamin hak-hak kepelbagaian tersebut. Selain itu, kestabilan politik dalam urus tadbir negara turut memainkan peranan penting dalam memperkuuh penyatuan berteraskan persefahaman, kerjasama, perundingan dan persetujuan. Pendekatan eksklusif dan inklusif yang dijadikan mekanisme dalam meraikan kepelbagaian, telah berjaya menghasilkan suasana perpaduan, saling menghormati dan bertoleransi yang menghiasi kehidupan bermasyarakat seterusnya menjadi nadi kepada perubahan yang lebih baik. Natijahnya, kesejahteraan hidup terpelihara, semangat patriotisme rakyat meningkat serta imej keselamatan dan keamanan negara dapat diperkasakan.

### **Prinsip Perpaduan - Keadilan Sosial**

Islam adalah agama keadilan dan kesaksamaan. Peristiwa peletakkan ‘hajarul al-aswad’ membuktikan bahawa Islam membawa mesej keadilan yang menjamin kesejahteraan hidup. Pelaksanaannya juga merangkumi segenap aspek kehidupan yang meliputi ekonomi, politik, sosial dan pelbagai lagi serta merentasi segenap lapisan masyarakat tanpa diskriminasi. Di samping itu, kebertanggungjawaban, penzahiran dan ketelusan sertaimbangan merupakan asas nilai dan etikanya. Dalam hal ini, komitmen individu dan pemerintah sangat penting sebagai penentu kejayaan dalam usaha merealisasikan misi tersebut. Sesungguhnya masyarakat yang mengerti mahalnya harga perpaduan tidak akan membuat tuntutan yang melampau sehingga mencetuskan riak-riak permusuhan. Sebaliknya, masyarakat yang cintakan perpaduan dan keamanan adalah masyarakat yang akan meletakkan kepentingan negara melebihi kepentingan kelompok dan kepartian. Natijahnya, nilai integriti jadi budaya, kejayaan yang dikecapidapat dinikmatisecarabersamadan kemakmurandapat dikongsidengan lebih meluas.

### **Perpaduan Nadi Transformasi Negara**

Hakikatnya, keunikan negara Malaysia adalah kerana kemajmukannya. Kontrak sosial, latar belakang sejarah dan perlembagaan negara perlu menjadi kerangka perpaduan dalam membina satu ummah yang hebat dan mampu memacu transformasi negara. Dalam mendepani cabaran global, usaha melaksana ketiga-tiga prinsip tersebut dalam menghasilkan kestabilan politik, kemantapan ekonomi dan pembangunan modal insan, seharusnya dijadikan agenda transformasi utama dan indikator kepada dimensi sebuah negara maju yang seimbang. Ia selari dengan kehendak maqasid al-syariah yang bersifat sejagat berteraskan maslahah, keadilan dan berhikmah serta mempunyai tujuan yang amat jelas. Sesungguhnya kesejahteraan negara menuntut integrasi, keikhlasan dan komitmen semua pihak dalam memastikan semangat perpaduan dan kesefahaman terus segar. Bahkan ia dibina di atas landasan kesederhanaan, kesantunan dan kesatuan dengan satu matlamat ke arah kemajuan dan pembangunan seimbang yang menatijahkan ‘*Baldatun Toyibbatun Warabbun Ghafur*’ (Negara yang baik dan diampuni Tuhan).





## ATUR CARA

- 18
- |           |   |
|-----------|---|
| 7.00 pagi | - Dif jemputan lelaki yang menyertai perarakan berkumpul di Pintu 1, MAEPS manakala Dif jemputan wanita mengambil tempat di Dewan A, MAEPS  |
| 8.15 pagi | - Perarakan bermula   |
| 9.00 pagi | - Perarakan tamat.<br>- Kontinjen perarakan mengambil tempat di Dewan A, MAEPS  |
|           | - Ketibaan Dif jemputan dan kenamaan  |
| 9.15 pagi | - Ketibaan YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan YABhg. Datin Sri Hamidah Khamis   |
| 9.20 pagi | - Ketibaan YAB Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia dan YABhg. Datin Sri Rosmah Mansor  |
| 9.30 pagi | - Keberangkatan Tiba Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV Almu'tasim Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah<br>- Lagu Negaraku<br>- Bacaan doa |

- Bacaan ayat-ayat suci al-Quran
- Ucapan alu-aluan oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengurus Jawatankuasa Induk Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1437H/2015M
- Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
- Ceramah Agama
- Pengumuman Penerima Anugerah Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1437H/2015M
- Upacara Pengurniaan Anugerah Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1437H/2015M
- Lagu Negaraku
- Selawat Nabi SAW
- Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah berangkat meninggalkan majlis
- YAB Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia dan YABhg. Datin Sri Rosmah Mansor meninggalkan majlis
- YAB. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan YABhg. Datin Seri Hamidah Khamis meninggalkan majlis
- Majlis bersurai

## PENERIMA ANUGERAH TAHUN 1436H/2015M

### PENERIMA ANUGERAH PERDANA MAULIDUR RASUL SAW

**YBhg. Tan Sri Dato' Syaikh Haji Ismail bin Haji Muhammad**

### PENERIMA ANUGERAH MAULIDUR RASUL SAW

**YBhg. Dato' Haji Saleh bin Haji Mad@Ahmad**

**YBhg. Dato' Mahamud bin Abdul**

20

**YBhg. Prof. Madya Dr. Hafidzi bin Mohd Noor**

**YBhg. Prof. Madya Dr. Syarifah Hayaati binti Syed Ismail**

**Kolonel Haji Mohd Sakri bin Haji Hussin**

**Encik Nazrey bin Johani**

**Encik Muhamad bin Abdullah**

**Encik Mohammad Azlan bin Mat Lazin**

# JAWATANKUASA INDUK

## MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1437H/2015M

### Pengerusi

YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri

### Setiausaha

Ketua Pengarah,  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

### PENGERUSI-PENGERUSI JAWATANKUASA

#### Jawatankuasa Penerangan dan Seranta

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia

21

#### Jawatankuasa Perhimpunan, Persembahan dan Perjalanan Majlis

Pengarah, Bahagian Perhubungan,  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

#### Jawatankuasa Perarakan

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan),  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

#### Jawatankuasa Pemilihan Penerima Anugerah

Timbalan Ketua Pengarah (Dasar),  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

#### Jawatankuasa Sambutan VVIP, VIP dan Protokol

Setiausaha Bahagian, Bahagian Istiadat dan Urusetia  
Persidangan Antarabangsa, JPM

#### Jawatankuasa Keraian dan Jamuan

Pengarah, Bahagian Kemajuan Islam,  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

**Jawatankuasa Penyiaran, Penyediaan Pentas dan Perhiasan**

Pengarah, Bahagian Media,  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

**Jawatankuasa Pengangkutan**

Ketua Pengarah,  
Jabatan Pengangkutan Jalan

**Jawatankuasa Keselamatan dan Lalu Lintas**

Ketua Polis Kuala Lumpur,  
Polis Diraja Malaysia

**Jawatankuasa Penerbitan Khas**

Pengarah, Bahagian Penerbitan,  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

**Jawatankuasa Percetakan Buku Atur Cara**

Ketua Pengarah,  
Jabatan Penerangan Malaysia

**Jawatankuasa Persiapan Tempat**

Pengarah, Bahagian Perhubungan  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

**Jawatankuasa Kebajikan dan Pertolongan Cemas**

Pengarah, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

**Jawatankuasa Jemputan VVIP dan VIP**

Pengarah, Bahagian Perhubungan,  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

**Jawatankuasa Kewangan**

Pengarah, Bahagian Kewangan,  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

**Urus Setia**

Pengarah, Bahagian Perhubungan,  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

# PENGHARGAAN

ISTANA NEGARA

JABATAN PERDANA MENTERI

KEMENTERIAN KEWANGAN

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTAHANAN

KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

POLIS DIRAJA MALAYSIA

JABATAN PENYIARAN MALAYSIA

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

JABATAN KESIHATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

JABATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA

TAMAN EKSPO PERTANIAN MALAYSIA SERDANG (MAEPS) SELANGOR

PERTUBUHAN AKHBAR, BERITA DAN PIHAK MEDIA

SYARIKAT SWASTA DAN ORANG PERSEORANGAN

dan semua pihak yang memberikan kerjasama dan sokongan dalam menjayakan  
Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1437H/2015M.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

الله برصلوات (سموک الله مبریکن برکت  
دان رحمة) دان سلام کأتشن

يَا رَسُولُ سَلَامٍ عَلَيْكَ  
واهای رسول سلام اتسمو

صَلَواتُ اللَّهِ عَلَيْكَ

الله برصلوات (سموک الله مبریکن برکت  
دان رحمة) کأتسمو

فَاخْتَفَتْ مِنْهُ الْبُدُورُ  
هیلع لیف سکلا دوکا

قَطُّ يَا وَجْهَ السُّرُورِ  
واجه کمیرا سقنجع حیاه

صَلَّى اللَّهُ عَلَيَّ مُحَمَّدٍ

الله برصلوات (سموک الله مبریکن  
برکت دان رحمة) کأتس محمد

يَا نَبِيًّا سَلَامٍ عَلَيْكَ  
واهای نبی سلام اتسمو

يَا حَبِيبُ سَلَامٍ عَلَيْكَ

واهای کاسیه سلام اتسمو

أَشْرَقَ الْبَدْرُ عَلَيْنَا

بولن قورنام مپینزی کیت

مِثْلَ حُسْنِنَا مَا رَأَيْنَا

اینده مناون تیدق فرنہ دفنڈع

أَنْتَ نُورٌ فَوْقَ النُّورِ  
كَاوِلَهٗ چهَايِ مَعَا تَسِيٰ چَهَايِ

أَنْتَ مَصْبَاحُ الصُّدُورِ  
كَاوِلَهُ أَوْبُرْ مِيُولُوهُ جِيُوا

يَا عَرْوَسَ الْخَافِقِينَ

واهای قشتین‌انده میکت

يَا إِمَامَ الْقِبْلَتَيْنِ  
وَاهْمَامَ امَادَةِ قَالَةٍ

يَا كَرِيمَ الْوَالَّدِينَ  
وَاهَىٰ قُثْبَلُو بِرْ كُورُونَ مُولِيا

وِرْدَنَا يَوْمَ النُّشُورِ  
تَمْثَتْ كَامِي مِينُوم دَهَارِي أَخِيرٍ

أَنْتَ شَمْسٌ أَنْتَ بَدْرٌ  
كَاوِلَه مَا تَاهَارِي كَاوِلَه بُولَنْ

أَنْتَ إِكْسِيرٌ وَغَالِي  
كَاوَلَهُ رَهْسِيَا هِيدُوفَ مُولِيا

یا حَبِّیْیٰ یا مُحَمَّدٌ  
واهای کاسیه کو واهای محمد

يَا مُؤَيْدٌ يَا مُجَدٌ  
وَاهَىٰ نَبِيٰ وَاهَىٰ يَعْدُجَوْلَعْ قُوْجا

مَنْ رَأَى وَجْهَكَ يَسْعَدُ  
بِهَا كَيْلَه اور غیث مندع و جهمو

# حَوْضُكَ الصَّافِي الْمَبَرُّدُ كولم ايرمو سجوق جرنيه

بِالسُّرَى إِلَيْكَ  
سقِنْجُع مَلَمْ مِرِينْدُوكْنْ توان

وَالْمَلَائِكَةُ صَلَوَاتُ عَلَيْكَ  
داَيِرِيْشِي دَعَاءْ قَارَا مَلَائِكَة

مُسْتَجِيبُ الدَّعَواتِ  
ديْ مُفَرِّكْنَ سَكَالَا دَعَاء

بِجَمِيعِ الصَّالِحَاتِ  
دَعْنَ سَكَالَا عَملَنْ صَالِح

عَدَّ تَحْرِيرِ السُّطُورِ  
سَباَقِ بَارِيسِ كَرْتِسِ دَولِيس

صَاحِبُ الْوَجْهِ الْمُنِيرِ  
يَعْمَقُوا يَعْمَقُوا وَجْهِ بَرْسِيِّ مَنَاون

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارُكْ عَلَيْهِ  
يَا اللَّهِ صَلَوَاتِ دَانِ سَلامِ سَرْتَا بَرْكِتِيلِهِ كَأْتِسِنْ

مَارَ أَيْنَا الْعِيسَى حَنَتْ  
تِيدَقْ فَرْنَهِ تَرِيلِهِتْ اوْتَا بِرْ جَالِنْ

وَالْغَمَامَةُ قَدْ أَظَلَّتْ  
اعْكَاوْ دَقَّا يُوْغِي اونْ قُوتِيهِ  
عَالَمُ السِّرِّ وَأَخْفَى  
اللهِ مَعْتَاهُوْيِ رَهْسِيَا تِرسِيرَتْ

رَبَّ ارْ حَنَنَا جَمِيعًا  
واهَايِ توهنِ رَحْمِتِيلِهِ كَامي

وَصَلَاتُ اللهِ عَلَى أَحَمَدَ  
اللهِ بِرَصْلَوَاتِ كَأْتِسِ حَمَدْ

أَحَمَدُ الْهَادِيِّ مُحَمَّدٌ  
سِباءِيقِ - بِاءِيقِ قُوجِيانِ يَعْمَبَاوا  
قُتوْبِحُوقِ اِيَالِهِ مُحَمَّد

*Perpaduan Nadi Transformasi Negara*

---

## NOTA

---

---

## NOTA

---





DITERBITKAN OLEH  
JABATAN PENERANGAN MALAYSIA